



PROSES PEMIKIRAN KANAK-KANAK DALAM AYAT TANYA

AMIR HAMZAH BIN YA'AKUB



PROJEK SARJANA INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2004





PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan
yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya



22.05.2004

.....
AMIR HAMZAH YA'AKUB
200000129



PENGHARGAAN

Bismillah hirrahman nirrahim

Syukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya kajian ini dapat diselesaikan bagi memenuhi keperluan kursus dalam program Sarjana Bahasa di Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Kajian ini, meskipun sempit sekali ruang lingkup yang dapat digarap, tidak akan dapat saya selesaikan sekiranya tidak mendapat bantuan dan bimbingan. Oleh hal yang demikian, dengan rasa rendah diri, penghargaan dan ucapan terima kasih yang tak terhingga saya huluskan kepada Encik Seri Lanang Jaya Bin Rohani selaku penyelia dan pembimbing saya. Dengan pengetahuannya yang mendalam serta pengalamannya yang luas dalam selok-belok penyelidikan ilmiah, saya memperoleh manfaat yang besar sekali.

Sekalung penghargaan ikhlas juga saya sampaikan kepada Dato Emeritus Profesor Dr. Asmah Hj. Omar, Profesor Abdullah Hassan, Profesor Dr. Abdul Hamid Mahmood serta Encik Ahmad Khair selaku pensyarah yang telah banyak membantu serta memberi bimbingan ketika di bilik kuliah dan tidak lupa juga teman-teman seperjuangan yang sama-sama memberikan idea bagi menyiapkan kajian ini. Di samping itu juga saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada isteri dan anak-anak saya yang sanggup bersabar dan berkorban masa untuk saya menyiapkan kajian ini.

Amir Hamzah Bin Ya'akub
2004 Kuala Terengganu.





ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian kes yang menganalisis proses pemikiran kanak-kanak dalam ayat tanya. Tumpuan analisis kepada ayat tanya kanak-kanak berusia 4½ tahun berasal dari Kuala Terengganu. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi proses pemikiran kanak-kanak dalam mengemukakan pertanyaan. Untuk tujuan ini satu tinjauan dan pemerhatian telah dijalankan dan alat rakaman serta buku catatan dijadikan instrumen kajian. Segala data-data dianalisis kembali mengikut tafsiran penulis berdasarkan teori-teori yang berkaitan. Hasil daripada kajian yang dijalankan mendapati bahawa faktor peniruan seperti yang didakwa oleh teori behaviourisme, faktor LAD (*Language Acquisition Device*) yang dinyatakan oleh teori mentalis serta faktor dalam diri kanak-kanak tersebut merupakan faktor penting dalam mempengaruhi proses pemikiran kanak-kanak dalam ayat tanya. Hasil kajian juga mendapati kanak-kanak seusia 4½ tahun sangat kreatif dalam berbahasa dan mengemukakan pertanyaan. Kekreatifan ini banyak bergantung kepada proses pemikiran.





ABSTRACT

THINKING PROCESS OF CHILDREN IN INTERROGATIVE SENTENCES

This research is a case study that analyses the thinking process of children in interrogative sentences. The focus of this analysis to the interrogative sentences of the children aged four and half years from Kuala Terengganu. The purpose of this research is to find out the factors that influence the thinking process of the children in asking questions. To fulfil this purpose, a survey and an observation had been carried out and the instruments used were cassette player and notebook. All the data were analysed according to the writer interpretation based on the related theories. The result or the findings of the survey showed that copy factor as being claimed by the behavioral theory, LAD (*Language Acquisition Device*) as stated by mentalist theory together with the inner factor of the children were the significant factors in influencing the thinking process of children in interrogative sentences. The result of the research also showed that the children at the age of four and half years were very creative in forming questions. The degree of creativity depends much on the thinking process.



KANDUNGAN

Perkara	Muka surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1. Pengenalan	1
1.2. Pernyataan Masalah	5
1.3. Tujuan Kajian	6
1.4. Kepentingan Kajian	7
1.5. Batasan Kajian	8
1.6. Definisi Konsep	9
1.6.1. Proses Pemikiran	9
1.6.2. Ayat Tanya	13
BAB 2 SOROTAN LITERATUR	
2.1. Pengenalan	15
2.2. Literatur Berkaitan	16
2.2.1. Teori-Teori Pemerolehan Bahasa	16
i. Teori Mentalisme	16
ii. Teori Behaviourisme	19
iii. Teori Kognitif	21
iv. Teori Interaksi	23
2.3. Konsep Penguasaan Bahasa	26



2.4. Bahasa Berada di Dalam Otak	30
2.5. Hubungan Bahasa dengan Pemikiran	34
2.6. Kemahiran Bertanya	38
2.6.1. Jenis-jenis Pertanyaan	39
2.7. Kajian Berkaitan	40
2.8. Kesimpulan	46

BAB 3 METODOLOGI

3.1. Reka Bentuk Kajian	48
3.2. Sampel Kajian	49
3.3. Alat kajian	50
3.4. Prosedur Pengumpulan Data	50
3.5. Prosedur Penganalisisan Data	51

BAB 4 KEPUTUSAN KAJIAN

4.1. Pendahuluan	52
4.2. Perihalhan Sampel	53
4.3. Dapatan Kajian	53
4.3.1. Soalan kajian 1	53
4.3.2. Soalan Kajian 2	56
4.3.3. Soalan Kajian 3	62

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1. Pendahuluan	66
------------------	----





5.2. Kesimpulan Dapatan Kajian	66
5.3. Perbincangan	69
5.4. Cadangan Kajian Lanjutan	71
BIBLIOGRAFI	72





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan



Melalui bahasa, manusia dapat berinteraksi atau berhubungan antara satu sama lain dalam urusan kehidupan. Kebolehan manusia berbahasa sangat menakjubkan, malahan bayi yang baru lahir pun boleh berbahasa dengan bahasanya yang tersendiri. Apa-apa sahaja yang diperkatakan oleh bayi yang boleh memberi kefahaman kepada kedua-dua ibu bapanya dapat diterima sebagai bahasa. Hal ini kerana salah satu ciri utama bahasa ialah lambang. Oleh itu, seseorang itu telah dibekalkan dengan bahasa semenjak bayi lagi. Walau bagaimanapun, apabila seseorang kanak-kanak membesar, maka banyak faktor yang akan mempengaruhi bahasa kanak-kanak itu.

Menurut Izani Haji Daud (2002:25) antara faktor yang mempengaruhi bahasa kanak-kanak termasuklah taraf sosioekonomi, hubungan kekeluargaan, amalan berbahasa





dalam keluarga, tempat tinggal, rakan sebaya, media massa, pendedahan dan rangsangan. Taraf sosioekonomi berkait rapat dengan taraf pendidikan dan kelas sosial ibu bapa. Kanak-kanak daripada keluarga atasan dapat bercakap lebih awal. Mereka akan lebih cepat membentuk ayat dan struktur ayat serta lebih matang berbahasa berbanding dengan kanak-kanak daripada keluarga yang kurang berada atau miskin. Keluarga yang berada dapat menyediakan kemudahan atau alatan tertentu untuk membolehkan anak-anak mereka mendapat pendedahan dalam bahasa, misalnya menyediakan alat kelengkapan dan permainan, seperti kapal terbang, kereta api mainan dan sebagainya. Melaluinya, kanak-kanak akan dapat mengenali objek tersebut, di samping menambahkan perbendaharaan kata. Selain itu, mereka juga sedikit sebanyak dapat mengetahui fungsi atau peranannya. Hal ini secara tidak langsung akan memperkembangkan minda berbahasa kanak-kanak. Kanak-kanak daripada keluarga yang kurang berada juga mampu atau dapat menguasai bahasa, tetapi agak lambat sedikit disebabkan tidak ada pendedahan awal.

Keadaan inilah yang menyebabkan wujudnya perbezaan keupayaan berbahasa di kalangan kanak-kanak. Selain itu, hubungan dalam keluarga merupakan sumber utama kepada kanak-kanak dalam pemerolehan bahasa. Kemesraan yang terjalin erat antara anggota keluarga dapat memberi rangsangan atau pengaruh yang kuat kepada kanak-kanak untuk berbahasa. Dengan wujudnya suasana kemesraan, maka akan berlaku interaksi. Melalui interaksi inilah kanak-kanak akan mendengar, bercakap dan bertanya tentang sesuatu perkara.





Menurut Asmah Hj. Omar (1998) kanak-kanak mula bercakap dengan ibu bapanya dengan jumlah kata yang sedikit. Wacana yang biasa ditimbulkan adalah seperti permintaan, suruhan dan pertanyaan, dan bukannya wacana yang menimbulkan konsep-konsep abstrak. Kanak-kanak memperkatakan sesuatu yang dia nampak, iaitu objek tertentu yang terdapat di sekelilingnya sahaja. Selain itu, wujud juga wacana yang tidak memerlukan interaksi seperti bercakap sendiri (monolog), bermain dan bercerita.

Perkembangan bahasa pada kanak-kanak yang bermula sejak lahir hingga berumur 12 tahun banyak dipengaruhi oleh perkembangan intelektual kanak-kanak itu sendiri. Semasa berumur antara sebulan hingga enam bulan, kanak-kanak telah mula memerhatikan objek, manusia, dan persekitaran secara visual. Pada masa itu juga, kanak-kanak telah mula mengenali objek dan benda. Pada usia tiga bulan, kanak-kanak telah berupaya membezakan manusia melalui keupayaan visual. Kanak-kanak dapat mengingat objek yang hilang dan muncul kembali dalam masa dua saat. Pada tahap ini, kanak-kanak mula dapat memfokus dan mengimbas. Kanak-kanak ini juga mula menggunakan keupayaan mendengar dan dapat mengenal pasti arah datangnya bunyi dan merenung tempat sesuatu objek itu jatuh. Keupayaan melihat, mendengar, dan mengingat ini juga membantu meningkatkan kemahiran komunikasi dan bahasa.

Menurut Piaget (1979), pada usia 3 atau 4 tahun kanak-kanak sudah mahir berbahasa, berbagai-bagai pertanyaan timbul dari bahasa kanak-kanak. Kanak-kanak menggunakan ayat tanya bagi tujuan berkomunikasi dan mendapatkan maklumat berdasarkan pengalaman di persekitarannya. Menurut Danny D. Steinberg (1990:140)





pertuturan atau tingkah laku yang lain adalah penting untuk berfikir. Menurut beliau lagi bahasa adalah asas utama fikiran dan sistem bahasa secara per se menentukan pandangan penutur terhadap hakikat alamiahnya.

Bagi Asmah Haji Omar (1988:63) kanak-kanak sebenarnya mempelajari suatu kata dengan sangat cepat. Kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak mendengar suatu kata baru dan kemudian membuat hipotesis tentang kata itu. Pada tahap tinggi, perkembangan kognitif masih mendahului perkembangan bahasa. Pertanyaan tersebut timbul apabila kanak-kanak tersebut sudah mengenali alam sekelilingnya dan mempunyai naluri untuk mengetahui sesuatu perkara itu dengan lebih lanjut.

Menurut pakar bahasa seperti Chomsky, kanak-kanak sebenarnya mempunyai naluri ingin tahu yang amat mendalam. Oleh hal yang demikian persoalan yang diajukan oleh seseorang kanak-kanak itu sebenarnya banyak bergantung kepada pemikiran yang terdapat dalam dirinya. Mungkin kanak-kanak itu ingin mengetahui alam persekitarannya dengan lebih mendalam, oleh sebab itu timbulnya pertanyaan daripada kanak-kanak tersebut.

Oleh hal yang demikian kajian tentang pertanyaan di kalangan kanak-kanak mungkin jarang dilakukan. Namun begitu kajian aspek ini sangat berguna kepada pengkaji-pengkaji bahasa bagi memantapkan lagi teori-teori mengenai perkaitan bahasa dengan pemikiran seperti yang dinyatakan oleh teori mentalis.





1.2. Pernyataan Masalah

Kebanyakan daripada ibu bapa terutamanya masyarakat Melayu terlalu mementingkan tentang adat apabila bertutur. Sudah menjadi pantang larang kepada kanak-kanak menyampuk percakapan orang tua-tua. Apatah lagi jika kanak-kanak itu bertanyakan soalan sedang orang tuanya bercakap-cakap. Kanak-kanak dilarang bertanyakan soalan-soalan yang tidak logik dan akan dimarahi sekiranya soalan-soalan yang dikeluarkan oleh kanak-kanak itu merupakan soalan yang tidak dapat diterima oleh logik akal. Oleh hal yang demikian masyarakat Melayu sebenarnya membantutkan perkembangan mental kanak-kanak itu daripada berfikir secara kreatif dan kritis.



Kanak-kanak sebenarnya mempelajari suatu kata dengan sangat cepat. Kajian

menunjukkan bahawa kanak-kanak mendengar suatu kata baru dan kemudian membuat hipotesis tentang kata itu. Pada tahap tinggi, perkembangan kognitif masih mendahului perkembangan bahasa. Pertanyaan tersebut timbul apabila kanak-kanak tersebut sudah mengenali alam sekelilingnya dan mempunyai naluri untuk mengetahui sesuatu perkara itu dengan lebih lanjut (Asmah Hj. Omar, 1988:63). Permasalahan inilah yang cuba difokuskan dalam kajian ini. Pengkaji cuba melihat lebih mendalam proses pemikiran kanak-kanak dalam mengenali alam sekelilingnya ketika mengemukakan pertanyaan.





1.3. Tujuan Kajian

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk meninjau proses pemikiran dalam minda kanak-kanak dan hubungannya dengan bahasa yang dikeluarkan ketika menyoal. Kanak-kanak menghasilkan pertanyaan untuk mendapatkan maklumat serta adanya naluri ingin tahu dalam diri kanak-kanak tersebut. Oleh itu kajian ini merupakan penyelidikan ke atas kanak-kanak dari sudut ayat tanya yang dikeluarkan oleh kanak-kanak. Pertanyaan yang dilakukan oleh kanak-kanak sebenarnya amat penting bagi kanak-kanak itu memperkembangkan daya fikiran serta bahasanya sendiri. Oleh hal yang demikian amat penting untuk kita mengetahui serta melihat perkaitan antara proses berfikir dengan pertanyaan yang dikeluarkan oleh kanak-kanak pada usia awal. Bagaimana kanak-kanak berfikir untuk mengeluarkan sesuatu pertanyaan sebenarnya amat menarik untuk dikaji.



Secara ringkasnya tujuan kajian ini adalah untuk mencari jawapan bagi soalan-soalan yang berikut:

1. Sejauh manakah pengaruh peniruan terhadap alam sekeliling mempengaruhi pertanyaan kanak-kanak seperti yang didakwa oleh teori behaviorisme?
2. Sejauh manakah pengaruh LAD (*Language Acquisition Device*) yang dinyatakan oleh teori mentalis dalam pembinaan soalan kanak-kanak?
3. Apakah faktor sebenar yang mempengaruhi kanak-kanak dalam mengemukakan pertanyaan?





1.4. Kepentingan Kajian

Dalam memahami sesuatu ujaran kanak-kanak atau perlakuan bahasanya, aspek makna menjadi sesuatu yang amat dipentingkan kerana kajian bahasa itu sendiri tidak dianggap sempurna dan bermakna tanpa unsur makna atau semantik. Dengan hal yang demikian, kajian ini sekurang-kurangnya dapat mendedahkan penggunaan kata tanya di kalangan kanak-kanak Melayu tentang penghuraian makna ujaran berdasarkan konteks pertuturan yang sebenar. Hanya analisis dan huraian makna secara tepat sahaja yang memungkinkan maksud sebenar ujaran kanak-kanak itu dapat difahami.

Selain itu, kajian ini setidak-tidaknya dapat mempertingkatkan pengajaran guru-guru terutamanya diperingkat pra sekolah tentang kepentingan kata tanya di kalangan kanak-kanak untuk membawa maksud yang sebenar. Hasil kajian ini akan dapat dijadikan panduan oleh penggubal dasar di Kementerian Pendidikan tentang sukatan diperingkat pra sekolah mahu pun di peringkat sekolah rendah. Susun atur konsep pertanyaan sebenarnya tidak perlu dijadikan satu aturan yang mesti diikuti. Hal ini kerana aturan yang rigid akan membantutkan proses berfikir di kalangan kanak-kanak secara kreatif. Hal ini dapat diperhatikan kepada rumus bahasa yang ditetapkan seperti setiap pertanyaan perlu ada penegas, iaitu partikel 'kah'. Begitu juga dengan perkataan kata tanya seperti apa, kenapa, bagaimana dan sebagainya perlu berada di depan ayat. Persoalannya adakah rumus-rumus ini menepati dengan ciri-ciri yang dikeluarkan oleh kanak-kanak?





Oleh hal yang demikian diharapkan hasil kajian ini sekurang-kurangnya dapat membantu guru menghasilkan kaedah dan teknik dalam memperkembangkan idea serta fikiran kanak-kanak dalam pengajaran terutamanya pelajaran bahasa. Di samping memberi peluang kepada kanak-kanak mengemukakan pertanyaan tanpa adanya had sempadan.

1.5. Batasan Kajian

Kajian ini tertumpu kepada proses pemikiran kanak-kanak dalam mengemukakan persoalan. Bagaimana kanak-kanak boleh mengeluarkan soalan merupakan aspek penting untuk dikaji. Kajian ini juga ingin melihat bagaimana proses pemikiran kreatif seperti yang dinyatakan oleh teori Chomsky tentang kanak-kanak yang mempunyai kreativiti dalam mengemukakan persoalan dan amat berkait rapat dengan minda.

Untuk kajian ini, subjek yang dipilih, iaitu Ridhwan Salimi berusia 4½ tahun anak kepada pengkaji sendiri. Pengkaji memilih Ridhwan Salimi kerana dari segi usia sebeginilah, menurut Piaget (1976) kanak-kanak sudah mula berfikir dan membentuk ayat. Selain itu pada usia begini bagi masyarakat Melayu merupakan kanak-kanak yang amat petah bercakap. Menurut Mangantar Simanjuntak (1990) kanak-kanak pada umur 3 atau 4 tahun umumnya sudah pandai berbahasa.





Untuk maksud batasan kajian ini juga, aspek kata tanya dalam perbualan harian subjek dijadikan fokus utama. Ayat-ayat tanya dalam pertuturan subjek tersebut akan dikaji dari sudut semantik atau makna. Dalam konteks makna pula kajian tidak hanya berdasarkan maklumat linguistik, tetapi turut melibatkan faktor bukan linguistik, iaitu konteks dan situasi pertanyaan tersebut. Hal ini kerana intepretasi makna yang berasaskan maklumat lingusitik dan bukan linguistik akan memberikan maksud sebenar penutur.

1.6. Definisi Konsep

1.6.1. Proses Pemikiran



Menurut Asmah Haji Omar (1988:17) pemikiran ditakrifkan sebagai kegiatan-kegiatan yang berlaku dalam otak kita apabila menghadapi sesuatu keadaan,perbuatan dan sebagainya. Menurut beliau lagi, hasil daripada proses pemikiran itulah wujudnya fikiran. Menurut Locke (1690) fikiran bebas daripada bahasa, bahawa bahasa bergantung kepada fikiran, dan bahawa peranan bahasa ialah menjadi alat untuk mengemukakan fikiran. Menurut beliau lagi, sistem fikiran yang terdapat pada akal budi kanak-kanak dibangunkan sedikit demi sedikit apabila rangsangan duniawi sebagai input, iaitu rangsangan daripada penglihatan, pendengaran, sentuhan yang menggambarkan benda, peristiwa dan keadaan dalam persekitaran kanak-kanak yang dialami oleh mereka. Apabila fikiran telah terbentuk dengan sempurna dan apabila input bahasa dialami serentak dengan benda, peristiwa dan keadaan, maka barulah bahasa mula dipelajari.





Lama-kelamaan sistem bahasanya lengkap dengan perbendaharaan kata dan rumus yang gramatis akan terbentuk. Sebahagian daripada sistem bahasa sebenarnya adalah sebahagian daripada sistem fikiran. Hal ini adalah kerana makna dan semantik sistem bahasa adalah idea yang merupakan sebahagian daripada isi fikiran.

Bagi Kamaruddin Hj. Hussin (1997:532) pemikiran dapatlah ditakrifkan sebagai usaha menghubungkan idea melalui penyusunannya secara teratur. Ia melibatkan usaha membuat kesimpulan, menemui hubungan-hubungan yang tersembunyi, menstruktur kembali konsep-konsep dan idea serta mengatur idea-idea ke arah suatu rumusan bagi mendapat pengertian baru daripada maklumat yang sedia ada.

Manakala menurut Samsudin Ahmad (1994: 822) pemikiran hanya dimiliki oleh makhluk manusia dan inilah yang membezakannya daripada haiwan. Jika perilaku haiwan didorong oleh nafsu dan naluri, manusia pula mempunyai kapasiti intelek yang kita sebut sebagai fikiran. Adanya pemikiran ini menjadikan manusia lebih bebas bukan sahaja daripada nafsu dan nalurinya bahkan daripada persekitarannya juga. Melalui pemikiranlah manusia dapat mengenal benda-benda dan peristiwa di persekitarannya. Menurut beliau, proses pemikiran berlaku melalui media bahasa dan dalam lingkungan bahasa kerana setiap konsep yang dicipta oleh proses pemikiran akan dilambangkan oleh kata-kata sementara susunan konsep itu pula dilahirkan dalam bentuk ayat-ayat atau susunan kata yang bermakna.





Menurut Jean Piaget (1960) peranan otak atau fikiran amat penting dalam proses pembelajaran. Menurut beliau lagi kanak-kanak sejak dilahirkan telah dibekalkan dengan satu alat dalam otak mereka yang membolehkan mereka memahami bahasa yang didengarnya dengan mudah. Oleh itu, bagi Piaget penguasaan bahasa sebagai satu proses pemikiran dan bukan sekadar pembentukan kebiasaan yang mementingkan latihan dan pengulangan. Segala perubahan tingkah laku hasil daripada proses kognitif yang berlaku dalam diri manusia itu sendiri. Menurut beliau lagi, perkembangan kognitif berlaku secara berperingkat-peringkat. Beliau telah mengemukakan empat peringkat perkembangan kognitif, iaitu peringkat deria motor, peringkat olahan, peringkat olahan konkrit, dan peringkat olahan formal. Peringkat perkembangan kognitif ini bermula sejak zaman awal kanak-kanak lagi atau sejak bayi dilahirkan. Ia berlaku agak cepat pada zaman permulaan kanak-kanak. Perkembangannya menjadi semakin perlahan pada peringkat remaja dan dewasa.



Bagi Tan Ta Sen (1993:36) fikiran adalah pekerjaan otak yang rumit. Jika kita melihat rumah, berasa dingin atau mendengar sesuatu suara yang merdu, semua objek “rumah, dingin, merdu” itu bukan fikiran. Itu hanya sesuatu intuisi, iaitu sesuatu kesan yang ditimbulkan oleh pancaindera kita. Dalam taraf intuisi kita masih belum mengadakan pemikiran. Akan tetapi jika kita sudah maju selangkah lagi, iaitu dengan membezakan kesan “rumah” itu dengan “rumah batu atau rumah papan” atau “rumah itu barangkali kepunyaan seorang jutawan kerana kebagusannya” dan sebagainya barulah dapat kita katakan bahawa kita sudah mengadakan sesuatu fikiran. Secara singkat dapat dikatakan bahawa dunia kenyataan menimbulkan kesan-kesan dalam otak manusia dan





dengan kesan-kesan itu manusia mengadakan pemikiran yang mula-mulanya secara konkrit kemudian baru secara mujarad.

Telah kerap diperhatikan bahawa bentuk bunyi perkataan akan menjelma dalam kesedaran penutur apabila dia sedang berfikir. Bentuk-bentuk perkataan ini, adalah cuma pantulan daripada idea batin. Oleh hal yang demikian, yang menentukan pemilihan bentuk-bentuk perkataan ialah fikiran. Sebagai kanak-kanak, kita belajar mengkodkan fikiran ke dalam bahasa dan lantas ke pertuturan akustik. Oleh sebab kita mendapati bahawa untuk bergaul secara berkesan dengan orang, kita harus bersedia menyampaikan fikiran melalui pertuturan, hasilnya kita berusaha melazimkan diri menukarkan fikiran ke dalam bahasa. Dengan kata lain, bentuk bunyi perkataan dipilih untuk menyampaikan fikiran batin.



Sebagai rumusannya proses pemikiran merupakan satu aktiviti yang berlaku di dalam otak manusia dalam menghadapi persekitarannya. Segala maklumat serta kejadian ditafsirkan oleh otak untuk diluahkan melalui perkataan atau bahasa. Hasilnya pemikiran dapat mewujudkan satu konsep atau gagasan yang dapat melahirkan bahasa yang baik. Hubungan antara bahasa dan pemikiran adalah bersifat timbal balik atau saling mempengaruhi antara satu sama lain.





1.6.2. Ayat Tanya

Ayat tanya didefinisikan sebagai ayat yang mendukung maksud pertanyaan, iaitu ayat yang menghendaki pendengar memberi jawapan kepada pertanyaan yang terkandung dalam ayat tersebut (Asmah Haji Omar, 1982:358). Asmah turut menekankan kehadiran intonasi tanya yang mempunyai nada yang meninggi sedikit sebelum kesenyapan terakhir.

Abdul Hamid Mahmood dan Nik Safiah Karim et al. (1987:47) pula dengan ringkas memberi takrif ayat tanya sebagai ayat yang digunakan untuk menanyakan sesuatu hal atau yang kita gunakan kalau kita bertanya.



Arbak Othman (1989:109) juga menyentuh tentang intonasi akhir yang menaik dalam memberi definisi ayat tanya. Nada akhir dalam kontur itu selalunya tinggi. Namun demikian tidak semestinya ayat ini mempunyai pola akhir menaik. Ayat tanya yang tidak mempunyai intonasi menaik ini memerlukan 'kata tanya'. Dalam hal ini kontur intonasinya boleh menurun atau mendatar sahaja.

Bagi Ahmad Mahmood Musanif (2000:1318) ayat tanya atau pertanyaan digunakan dalam permintaan, khususnya permintaan tak langsung. Menurut beliau lagi, ayat tanya atau pertanyaan tidak sahaja mendukung makna pertanyaan, tetapi membawa maksud permintaan maklumat dan pelawaan.





Manakala Schiffirin (1994:85) ayat tanya merupakan ayat yang dibina dengan struktur tertentu untuk menanyakan suatu hal. Ayat tanya digunakan untuk meminta jawapan atau keterangan tentang sesuatu. Jawapan kepada ayat tanya itu dapat berupa ayat berita, ayat nafi, dan ayat tanya. Berdasarkan struktur ayat tanya-jawab dalam wacana, ayat tanya dapat membawa maksud pertanyaan, permintaan, ajakan, nasihat dan sebagainya.

Sementara itu Sulaiman Masri dan Ahmad Khair (2002:158) mentakrifkan ayat tanya sebagai ayat yang digunakan untuk menanyakan sesuatu perkara. Ayat tanya sering ditandai oleh kehadiran kata tanya seperti siapa, apa, bagaimana, di mana, bila dan sebagainya.



Berdasarkan definisi-definisi yang telah diberikan, dapatlah dirumuskan bahawa ayat tanya merupakan ayat yang membawa maksud pertanyaan dan demikian ayat tersebut tentunya memerlukan jawapan atau keterangan tertentu. Ayat tanya boleh ditandai oleh intonasi menaik, mendatar atau menurun bergantung kepada makna yang terkandung dalam ujaran penuturnya.

